

## **Analisis Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Rasulullah SAW**

Syh Noorul Madihah Syed Husin

Universiti Sultan Zainal Abidin, madihah@unisza.edu.my

Raihanah Azahari

Universiti Malaya, raihan@um.edu.my

Asmak Ab Rahman

Universiti Malaya, asmak.unimalaya@gmail.com

### **Abstrak**

Perbelanjaan perkahwinan merupakan peruntukan harta yang perlu dibelanjakan sebagai persiapan untuk mendirikan rumah tangga. Ia adalah satu keperluan kepada pasangan yang akan berkahwin. Rasulullah SAW pernah membelanjakan harta untuk pembayaran mas kahwin dan penganjuran walimah sempena perkahwinan baginda. Mutakhir ini, perbelanjaan perkahwinan masyarakat tempatan dilihat semakin tinggi. Trend sambutan perkahwinan secara besar-besaran dengan pelbagai adat dan kelengkapan semasa memerlukan kepada puluhan ribu ringgit. Ia bukan sahaja semakin membebankan pasangan yang akan berkahwin, malah boleh membawa kepada budaya berhutang dan berkahwin di lewat usia. Kekurangan penerokaan terhadap corak dan gaya perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW semakin meruncingkan isu ini. Masyarakat seolah-olah hanya meneruskan trend tersebut tanpa didedahkan dengan panduan dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan mereka. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji corak perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW bagi mengemukakan konsep perbelanjaan perkahwinan yang telah dibawa oleh baginda. Sebagai sebuah kajian kualitatif, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menelusuri dan meneliti peristiwa-peristiwa berkaitan corak perbelanjaan perkahwinan daripada sumber-sumber muktamad. Hasil analisis, kajian mendapat terdapat empat konsep perbelanjaan perkahwinan yang telah dipamerkan oleh Rasulullah SAW iaitu i) perbelanjaan bermanfaat, ii) perbelanjaan mengikut tahap kemampuan, iii) perbelanjaan secara sederhana dan iv) perbelanjaan secara kerjasama. Konsep tersebut sewajarnya dijadikan panduan dan seterusnya diterapkan oleh masyarakat dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan mereka mengikut kesesuaian semasa.

**Kata kunci:** perbelanjaan perkahwinan, konsep perbelanjaan perkahwinan, perkahwinan Rasulullah SAW

## ***An Analysis of the Concept of Marriage Expenses of the Prophet p.b.u.h.***

### ***Abstract***

*Marriage expenses are an allocation of money spent in preparation for marriage. It is a necessity to married-to-be couples. Rasulullah p.b.u.h. himself gave dowry and organized walimah on his marriage. To date, the marriage expenses of local communities are seen to be getting higher. It is already becoming a trend of throw a luxurious wedding celebration with a variety of traditional and current equipment which amounts to thousands of dollars. It is not burden-some for couples who are getting married, but instead can lead to a culture of debt and late marriages. In addition to it, there is a lack of research on the patterns and styles of marriage expenses practiced by Rasulullah p.b.u.h. Society seems to only continue the trend without being exposed to the right guidelines in managing their marriage expenses. Therefore, this article aims to review the spending patterns of marriage Prophet for submitting concept of marriage expenses that have been practiced by him. As a qualitative study, this study will use a method of document analysis to explore and examine the events of the wedding expenditure pattern from various sources. The study found that there are four wedding expenses concept that has been exhibited by the Prophet Muhammad p.b.u.h., namely i) the worthwhile expenditure, ii) expenditures by level of ability, iii) moderate expenditure and iv) collaborative expenditure. The concept should be the guide and subsequently adopted by the community in the management of their marriage expenses according to current requirements.*

**Keywords:** marriage expenses, concept of marriage expenses, Rasulullah's p.b.u.h. marriage

### **Pendahuluan**

Rasulullah SAW merupakan contoh tauladan yang lengkap dalam semua aspek kehidupan berkeluarga, termasuklah dalam hal berkaitan perbelanjaan bagi persediaan perkahwinan. Urusan perkahwinan tidak pernah digambarkan sebagai satu perkara yang membebankan oleh Rasulullah SAW, bahkan baginda amat menganjurkan perkahwinan di usia muda setelah berkemampuan untuk melaksanakannya.<sup>1</sup> Meskipun perkahwinan memerlukan

---

<sup>1</sup> Maksud hadis: "Wahai para pemuda, barang siapa di antara kalian yang mampu bernikah, maka bernikahlah..." Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Istaṭā' minkum al-Bā'ah fa al-Yatazawwaj fa innahu Aghaḍu li al-Baṣar wa Ahṣan li al-Farj. Wa Hal Yatazawwaj Man lā 'Arab

pelbagai persediaan termasuk dari sudut kewangan, namun melalui sirah baginda, Rasulullah SAW sentiasa mengemukakan jalan penyelesaian ke arah memudahkan urusan tersebut. Konsep memudahkan urusan perbelanjaan perkahwinan terserah pada anjuran penetapan kadar mas kahwin dan pengendalian walimah oleh baginda.<sup>2</sup>

Walaupun pada dasarnya ajaran Rasulullah SAW adalah mempermudahkan urusan perkahwinan tanpa melibatkan perbelanjaan yang besar, namun intipati ajaran baginda ini tidak diikuti dengan sepenuhnya oleh masyarakat pada masa kini. Ia rentetan daripada menularnya trend perbelanjaan perkahwinan yang tinggi dalam kalangan masyarakat setempat. Perubahan sosial dari aspek persiapan dan sambutan perkahwinan oleh masyarakat telah menyumbang kepada perbelanjaan yang tinggi. Lokasi majlis telah berpindah dari halaman rumah ke dewan-dewan tertentu dan hotel-hotel mewah, manakala menu yang disediakan pula telah dipakejkan oleh pihak penyaji, dewan mahu pun hotel.<sup>3</sup> Masyarakat turut didedah dengan pelbagai kemudahan untuk menjayakan sambutan perkahwinan termasuklah penawaran pakej perkahwinan oleh perunding-perunding perkahwinan. Dari aspek perbelanjaan yang melibatkan aturan adat masyarakat Melayu pula, pasangan tidak terlepas dari pelbagai elemen perbelanjaan adat seperti wang hantaran, penyediaan barang kemas sempena pertunangan dan perkahwinan, serta pelbagai lagi amalan adat yang boleh menyumbang kepada perbelanjaan. Perbelanjaan untuk wang hantaran umpamanya, telah mencecah ribuan ringgit. Menurut kajian yang dilakukan kepada sekumpulan responden di utara semenanjung, majoriti responden telah menyatakan kadar yang paling munasabah bagi wang hantaran

---

lahu fi al-Nikāh, no. 5065. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh (Riyādh: Dār al-Salām, 2000), 438.

<sup>2</sup> Syh Noorul Madiyah Syed Husin, Raihanah Azahari dan Asmak Ab. Rahman, “Konsep al-Taysir dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam”, *Jurnal Syariah* 22, no.3 (September - Disember 2014), 337.

<sup>3</sup> Fatimah Abdullah, “Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan”, *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27, no.1 (Jun-Disember 2009), 101.

pada masa sekarang adalah di antara RM5000 hingga RM8000.<sup>4</sup> Situasi yang dipaparkan ini telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan masyarakat Islam. Jika sekitar tahun 1980-an, sebuah perkahwinan pasangan Melayu muslim pada kebiasaannya menelan belanja sekitar RM 4,000 hingga Rm 6,000,<sup>5</sup> namun kini secara puratanya ia telah mencecah puluhan ribu ringgit jika mengikut adat istiadat Melayu dan keinginan pihak keluarga.<sup>6</sup>

Fenomena perbelanjaan sebegini tinggi dilihat boleh mendatangkan pelbagai implikasi negatif kepada masyarakat muslim, khususnya pasangan yang mendirikan rumah tangga. Antara isu yang membimbangkan kebelakangan ini adalah bebanan hutang yang perlu ditanggung oleh pasangan yang baharu berkahwin. Secara purata, majlis perkahwinan masyarakat Melayu Islam kini boleh mencecah puluhan ribu ringgit<sup>7</sup> Ia merupakan satu jumlah yang agak menyukarkan bagi muda-mudi untuk menyediakannya. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Koid Swee Lian, antara punca utama mereka yang dibelenggu hutang adalah melibatkan pinjaman bagi pengurusan perbelanjaan perkahwinan. Faktor kos untuk persiapan perkahwinan, wang hantaran dan hadiah hantaran yang tinggi telah menyebabkan bakal pengantin terpaksa berhutang melalui pinjaman peribadi dan lain-lain bentuk pinjaman.<sup>8</sup> Perbelanjaan perkahwinan yang tinggi turut menyukarkan urusan perkahwinan kepada kaum muda. Penetapan kadar wang hantaran yang tinggi menyebabkan pasangan lelaki terpaksa berfikir beberapa kali sebelum membuat keputusan untuk berkahwin dan mengambil masa yang lama bagi menyimpan wang

<sup>4</sup> Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab, “Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak”, *Jurnal Fiqh* 6 (2009), 123.

<sup>5</sup> Persatuan Pengguna Pulau Pinang, *Anda dan Wang Anda: Bagaimana Menyimpan & Berbelanja dengan Bijak* (Pulau-Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 1987), 88.

<sup>6</sup> Fatimah Abdullah, “*Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan*”, 106.

<sup>7</sup> Fatimah Abdullah, “*Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan*”, 106.

<sup>8</sup> “Pengantin Dibelenggu Hutang”, *Laman AKPK*, 11 Disember 2012, dicapai 10 Mac 2013, <http://www.akpk.org.my/happenings/news/press-release/id/486/pengantin-dibelenggu-hutang>.

sebelum boleh mendirikan rumah tangga.<sup>9</sup> Kaum belia semakin merasa khuatir untuk berkahwin pada usia muda.<sup>10</sup> Keadaan ini seterusnya boleh memberi impak kepada usia pertama perkahwinan. Merujuk kepada hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2004, umur min perkahwinan pertama rakyat Melayu semenanjung Malaysia bagi golongan lelaki adalah 28.8, manakala bagi perempuan pula adalah 24.1 tahun.<sup>11</sup> Bagi kaum lelaki, statistik ini adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan umur min perkahwinan pertama pada tahun 2000, di mana umur minnya adalah 27.9.<sup>12</sup> Peningkatan ini mungkin ada kaitannya dengan masalah bebanan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi.

Realitinya, Rasulullah SAW telah terlibat secara langsung dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan melalui pembayaran mas kahwin dan penganjuran *walimat al-'urs* sempena perkahwinan baginda. Apa yang pernah dipapar oleh Rasulullah SAW dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan, perlu ditonjolkan sebagai satu konsep umum bagi dijadikan panduan kepada mereka yang akan mendirikan rumah tangga. Tanpa panduan, masyarakat akan sentiasa terikut-ikut dengan trend semasa dan berbangga dengan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi. Justeru, artikel ini akan membincangkan dua elemen utama perbelanjaan perkahwinan yang pernah dibelanjakan oleh baginda, iaitu bayaran mas kahwin dan penganjuran *walimat al-'urs*. Ia bertujuan bagi mengemukakan konsep perbelanjaan perkahwinan yang telah diketengahkan oleh baginda. Menerusi kaedah analisis dokumen, dokumen-dokumen berdasarkan sumber primer iaitu hadis-hadis yang memperihalkan tentang perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW dan sumber skunder yang terdiri

<sup>9</sup> Haslina Hassan dan Ann Wan Seng, *Wanita dan Perkahwinan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 63.

<sup>10</sup> Fatimah Abdullah, “*Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan*”, 106.

<sup>11</sup> Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/95f9e1b3-24bb-4cce-af4b-da9bf8317f2e>.

<sup>12</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai 13 Mac 2013, [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_Labour/files?BPTMS/PST-Siri6.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_Labour/files?BPTMS/PST-Siri6.pdf).

daripada karya-karya fiqh dan hadis, beberapa konsep perbelanjaan perkahwinan akan dikenalpasti dan dianalisis secara diskriptif.

### Pemberian Mas Kahwin oleh Rasulullah SAW

Sirah perkahwinan Rasulullah SAW setelah dilantik menjadi Rasul telah memaparkan beberapa bentuk pemberian mas kahwin oleh baginda kepada isteri-isteri baginda. Secara umumnya baginda diriwayatkan tidak pernah membayar mas kahwin kepada isterinya melebihi dari 500 dirham. Abū Salamah bin ‘Abd al-Rahman telah meriwayatkan:

سَأَلْتُ عَائِشَةَ رَوْحَ الْيَّيِّ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَمْ كَانَ صَدَاقُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَتْ كَانَ صَدَاقَهُ لِأَنْرَاجِهِ شَيْئًا عَشْرَةً أُوقِيَّةً وَنَشَّاً. قَالَتْ أَنْدَرِيَّ مَا النَّشُّ؟ قَالَ قُلْتُ لَا. قَالَتْ نِصْفُ أُوقِيَّةٍ فَتِلْكَ خَمْسُيَّةٌ دِرْهَمٌ، فَهَذَا صَدَاقُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Terjemahan: Aku telah bertanya kepada Saidatina ‘Ā’ishah, isteri Rasulullah: berapakah mas kahwin Rasulullah? ‘Ā’ishah berkata: Mas kahwin Rasulullah untuk isteri-isteri baginda adalah sebanyak 12 *uqiyyah* dan satu *nashsh*. ‘Ā’ishah bertanya: adakah kamu tahu, berapakah yang dikatakan satu *nashsh*? Lalu berkata (Abu Salamah) aku berkata: tidak. ‘Ā’ishah berkata: Satu per dua *uqiyyah*. Jumlahnya adalah lima ratus dirham dan itulah mas kahwin Rasulullah untuk isteri-isteri baginda.<sup>13</sup>

Menurut al-Nawāwī, 1 *uqiyyah* Hijaz menyamai 40 dirham.<sup>14</sup> Ini bermakna 12 *uqiyyah* adalah berjumlah 480 dirham. Apabila ditambah dengan satu *nashsh* iaitu satu per dua *uqiyyah* yang menyamai 20 dirham, jumlah kesemuanya adalah 500 dirham. 1

<sup>13</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Ṣadāq wa Jawāz Kawnuh Ta‘līm Qur‘ān wa Khātim Hadīd wa Ghayr Dhālik min Qalīl wa Kathīr wa Istihbāb Kawnuh Khams Mi‘ah Dirham li man lā Yajhaf bih, no. Hadith 3489, dan al-Nasā’i, Kitāb al-Nikāh: Bāb al-Qisṭ fi al-Asdqah, no. Hadith 3350. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hujjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, 915 dan Abū ‘Abd al-Rahmān Ahmad bin Shu‘ayb al-Nasā’i, Sunan al-Nasā’i, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Shārif*, 2304.

<sup>14</sup> Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī (Kaherah: Dār al-Taqwā, t.t.), 10:201.

dirham jika dinilai dari sudut timbangan perak, adalah menyamai 2.975 gram.<sup>15</sup> Ini bermakna 500 dirham adalah menyamai dengan nilai bagi 1487.5 gram perak.

Selain hadis di atas, Saidina ‘Umar al-Khattab r.a juga menyatakan secara umum mas kahwin isteri dan puteri Rasulullah SAW ketika menyampaikan khutbah:

مَا أَصْدَقَ اُمْرَأً مِنْ نِسَائِهِ وَلَا أَصْدِقَتِ اُمْرَأً مِنْ بَنَاتِهِ أَكْثَرَ مِنْ اثْنَيْ عَشْرَةَ أُوقِيَّةً.

Terjemahan: “Nabi tidak pernah memberi mas kahwin kepada mana-mana isterinya, dan puteri-puteri baginda juga tidak diberikan mas kahwin melebihi 12 *uqiyah*”.<sup>16</sup>

Apa yang membezakan antara dua riwayat ini ialah, kekurangan satu *nashsh* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Saidina ‘Umar al-Khattab r.a, berbanding dengan riwayat Saidatina ‘Ā’ishah r.a. Ini bermakna jumlah yang dinyatakan oleh Saidina ‘Umar al-Khattab r.a adalah bersamaan 480 dirham kurang 20 dirham dari jumlah yang dinyatakan oleh Saidatina ‘Ā’ishah r.a.

Seterusnya terdapat beberapa buah hadis yang khusus menceritakan mas kahwin bagi isteri-isteri Rasulullah SAW. Abū Sa‘īd al-Khudrī telah meriwayatkan:

أَنَّ الَّتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ عَائِشَةَ عَلَى مَتَاعِ بَيْتٍ، قِيمَتُهُ خَمْسُونَ دِرْهَمًا.

Terjemahan: “Nabi SAW telah menikahi ‘Ā’ishah dengan mas kahwin perkakas rumah yang bernilai 50 dirham”.<sup>17</sup>

Dalam riwayat di atas, dinyatakan bahawa mas kahwin bagi Saidatina ‘Ā’ishah r.a adalah perkakas rumah yang bernilai 50 dirham. Berbeza dengan mas kahwin Saidatina ‘Ā’ishah r.a, Saidatina Umm Habībah r.a pula diriwayatkan telah menerima mas kahwin jauh lebih tinggi. ‘Urwah pernah meriwayatkan:

أَنَّهَا كَانَتْ تَحْتَ عُبْيِيدَ اللَّهِ بْنِ حَبْشٍ فَمَاتَ بِأَرْضِ الْحُبْسَةِ فَرَوَّجَهَا السَّجَاشِيُّ التَّنِيُّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَمْهَرَهَا عَنْهُ أَرْبَعَةَ آلَافٍ.

<sup>15</sup> ‘Alī Jum‘ah Muhammad, *al-Makāyil wa al-Mawāzīn al-Shar‘iyyah* (Kaherah: al-Quds, 2001), 19.

<sup>16</sup> Hadith Riwayat Ibn Mājah, Abwāb al-Nikāh, Bāb Ṣadāq al-Nisā’, no. Hadith 1887. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Yazīd al-Rab‘ī bin Mājah, “Sunan Ibn Mājah”, dalam *Mawsu‘ah al-Hadīth al-Shārif*, 2590.

<sup>17</sup> Hadith Riwayat Ibn Mājah, Abwāb al-Nikāh, Bāb Ṣadāq al-Nisā’, no. Hadith 1890. Lihat Ibn Mājah, “Sunan Ibn Mājah”, dalam *Mawsu‘at al-Hadīth al-Shārif*, 2590.

Terjemahan: “Sesungguhnya dia (Ummu Habibah) adalah di bawah tanggungan ‘Ubayd Allāh bin Jahsh. Lalu suaminya meninggal dunia di Habsyah. Kemudian beliau telah dinikahkan oleh raja Najashi dengan Rasulullah SAW. Dia (Najashi) telah memberinya mas kahwin kepadanya (Umm Ḥabībah) sebanyak 4000.<sup>18</sup>

Dalam riwayat ini, dinyatakan bahawa raja Najashi telah menjadi wakil dalam urusan pernikahan Rasulullah SAW dengan Saidatina Ummu Habibah r.a. Beliau telah memberikan mas kahwin sebanyak 4000 dirham bagi pihak baginda kepada Saidatina Ummu Habibah r.a.<sup>19</sup>

Selain bayaran berbentuk harta, Rasulullah SAW juga pernah membayar mas kahwin berbentuk manfaat dengan membebaskan bakal isteri baginda daripada tawanan perang. Al-Sya‘bī meriwayatkan:

كَانَتْ حُوَيْرَةً مِلْكَ رَسُولِ اللَّهِ فَأَعْنَقَهَا، وَجَعَلَ عِنْقَهَا صَدَاقَهَا، وَعَنَقَ كُلَّ أَسْبِرٍ مِنْ بَنِي الْمُصْطَلِقِ.

Terjemahan: “Juwayriyah merupakan ahli tawanan perang Rasulullah, lalu baginda membebaskannya. Baginda telah menjadikan pembebasan tersebut sebagai mas kahwin Juwayriyah, dan baginda telah membebaskan setiap tawanan perang Bani Mustaliq”.<sup>20</sup>

Riwayat di atas telah mengisahkan Rasulullah SAW pernah membebaskan Saidatina Juwayriyah binti Harith r.a yang merupakan salah seorang tawanan perang Bani al-Mustaliq di bawah penguasaan seorang kaum Ansar bernama Thābit bin Qays.

<sup>18</sup> Hadith Riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Ṣadāq. no. Hadith 2107, dan al-Nasā’ī, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Qisṭ fī al-Asdqah, no. Hadith 3352. Lihat Abū Dāwud Sulaymān bin al-‘Ash‘ath bin Ishāq al-Sajistānī, “Sunan Abū Dāwud”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1378, dan al-Nasā’ī, “Sunan al-Nasā’ī”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 2304.

<sup>19</sup> Abū al-Ṭayyib Muhammad Shams al-Haqq al-‘Azīz Ābādī, ‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd, ed. ‘Abd al-Rahmān Muḥammad ‘Uthmān (t.t.p.: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1979), 6:137.

<sup>20</sup> Hadith Riwayat al-Ṭabarānī, Mā Intahā Ilaynā min Musnad al-Nisā’ Rawayn an al-Rasūl, Juwayriyah bint al-Ḥārith bin Abī Dirār bin al-Ḥārith bin ‘Āidz bin Abī Dirār bin al-Harith bin ‘A’idz bin Mālik bin al-Mustaliq bin Khuzā‘ah wa Ism al-Muṣṭaliq Khuzaymah, no. Hadith 154. Lihat Abī al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr* (Beirut: Mu’assasah al-Rayyān, 2010), 16:5644.

Thābit bin Qays telah menetapkan harga yang agak tinggi bagi pembebasan Saidatina Juwayriyah bint al-Harīth r.a. Memandangkan bimbang terhadap kesan penentuan harga pembebasan yang terlalu tinggi, beliau telah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang kedudukannya ketika itu. Baginda lalu menawarkan untuk membebaskan dan mengahwininya.<sup>21</sup> Dalam kisah yang lain, ketika memperisterikan Saidatina Safiyyah binti Huyayy r.a, Rasululullah SAW juga turut membebaskan beliau dari tawanan perang. Anas bin Mālik r.a telah meriwayatkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْنَقَ صَفِيفَةً وَجَعَلَ عِنْقَهَا صَدَاقَهَا.

Terjemahan: “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah membebaskan Safiyyah dan menjadikan pembebasan tersebut sebagai mas kahwin untuknya”.<sup>22</sup>

Saidatina Safiyyah binti Huyayy r.a merupakan seorang tawanan perang Khaybar sebelum berkahwin dengan Rasulullah SAW. Setelah bapanya dan suaminya mati di dalam perang tersebut, beliau ditawarkan oleh Rasulullah SAW sama ada untuk memeluk Islam dan menjadi isteri kepada baginda, atau kekal dalam agama Yahudi. Saidatina Safiyyah binti Huyayy r.a telah membuat pilihan untuk memilih agama Islam dan Rasulullah SAW kemudiannya terus membebaskan dan berkahwin dengan bermas kahwinkan pembebasan tersebut.<sup>23</sup>

Apa yang dapat dirumuskan di sini, secara umumnya, mas kahwin yang pernah diberikan oleh Rasulullah SAW adalah tidak melampaui 500 dirham. Namun secara khususnya, ia adalah berbeza dari sudut dan bentuk di antara setiap isteri-isteri baginda. Ia dapat diringkaskan dalam jadual dibawah:

<sup>21</sup> Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī al-Ma‘rūf bi Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* (Beirut: Mu’assasah al-A‘lāmī, 1983), 2:264.

<sup>22</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Ja‘ala ‘Itq al-Amah Ṣadāqahā, no. Hadith 5086 dan al-Nasā’ī, Kitab al-Nikāh, Bāb al-Tazwīj ‘alā al-‘Itq, no. Hadith 3344. Lihat al-Bukhārī, “Ṣahīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif*, 440 dan al-Nasā’ī, “Sunan al-Nasā’ī”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif*, 2304.

<sup>23</sup> ‘Abd al-Hafiz al-Farghalī, Hamzah al-Nashratī dan ‘Abd al-Ḥamīd Muṣṭafā, *Ṣīrah Āl Bayt al-Nabī* (t.p.: al-Maktabah al-Qayyimah, t.t.), 1:224.

Jadual 1: Mas Kahwin Isteri-isteri Rasulullah SAW

Bil	Nama	Mas Kahwin	Penjelasan
1.	Saidatina ‘Ā‘ishah r.a	Perkakas rumah bernilai 50 dirham	Perbelanjaan tidak melampaui 500 dirham berbentuk barang yang bermanfaat
2.	Saidatina Umm Ḥabībah r.a	4000 dirham	Perbelanjaan melebihi 500 dirham kerana ia ditanggung oleh raja Najashi
3	Saidatina Juwayriyah binti Ḥarīth r.a	Pembebasan daripada tawanan perang	Bersesuaian dengan kedudukan Saidatina Juwayriyah binti Ḥarīth r.a sebagai salah seorang tawanan perang Bani al-Mustaliq
4.	Saidatina Safiyyah binti Huyayy r.a	Pembebasan daripada tawanan perang	Bersesuaian dengan kedudukan Saidatina Safiyyah binti Huyayy r.a sebagai salah seorang tawanan perang Khaybar

### Penganjuran Walimah oleh Rasulullah SAW

Rasulullah SAW diriwayatkan mengadakan *walimat al-‘urs* untuk isteri-isteri baginda dengan pelbagai sajian. Terdapat beberapa riwayat hadis yang mengisahkan tentang *walimat al-‘urs* yang pernah dilakukan oleh baginda. Saidina Anas r.a telah meriwayatkan:

مَا رَأَيْتُ النَّبِيًّا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدًا مِنْ نِسَاءِهِ مَا أَوْمَعَهُمْ بِشَأْوَةً.

Terjemahan: “Aku tidak pernah melihat nabi Muhammad mengadakan walimah untuk isteri-isteri baginda seperti mana yang telah dilakukan untuk Zaynab bint Jahsh. Baginda telah mengadakan walimah untuknya dengan seekor kambing”.<sup>24</sup>

<sup>24</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Awlam ‘alā Ba‘d Nisā’ih Akthar min Ba‘d, no. Hadith 5171 dan Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb Zawāj Zaynab binti Jahsh wa Nuzūl al-Hijāb wa Ithbāt Walīmat al-‘Urs, no. Hadith 3503. Lihat al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 447 dan Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 917.

Berdasarkan hadis di atas, Saidina Anas r.a telah menggambarkan *walimah* Rasulullah SAW dengan Saidatina Zaynab binti Jahsh r.a sebagai sebuah *walimah* yang paling meriah dari aspek hidangan.<sup>25</sup> Ia juga menunjukkan sajian yang paling mewah pernah dihidangkan oleh baginda adalah seekor kambing. Namun, menurut Ibn Hajar al-‘Asqalānī, penafian Anas r.a bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah mengadakan *walimah* kepada isteri-isteri lain setanding dengan *walimah* bagi Saidatina Zaynab binti Jahsh r.a bukan semata-mata menunjukkan maksud demikian, kerana ia boleh memberi pelbagai andaian. Penafian itu mungkin sekadar apa yang diketahui oleh beliau sahaja. Ia juga boleh diandaikan bagi menggambarkan keberkatan *walimah* tersebut sehingga kaum muslimin yang hadir pada majlis itu telah merasa kenyang hanya dengan hidangan roti dan seekor kambing. Menurut Ibn Hajar lagi, adalah satu perkara yang tidak mustahil Rasulullah SAW mengadakan *walimah* dengan hidangan yang melebihi seekor kambing. Ketika *walimah* Rasulullah SAW dengan Saidatina Maimunah binti Haris r.a yang berlaku dalam umrah qadha’ selepas penaklukan Khaybar, baginda telah mengundang penduduk Mekah untuk menghadirinya. Menurut Ibn Hajar, adalah kurang munasabah *walimah* tersebut tidak melebihi seekor kambing kerana pada ketika itu, kehidupan Rasulullah SAW telah lapang dan Allah SWT telah melapangkan kaum muslimin semenjak pembukaan Khaybar.<sup>26</sup>

Dalam riwayat lain, Saidina Anas r.a meriwayatkan *walimah* sempena perkahwinan baginda dengan Saidatina Zaynab binti Jahsh r.a turut dihidangkan dengan roti.<sup>27</sup> Beliau juga meriwayatkan bahawa ibunya, Ummu Sulaym telah menyediakan *hays*, sebagaimana berikut:

تَنَوَّجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَخَلَ بَاهْلِهِ. قَالَ فَصَسَعَتْ أُمُّ سَلَيْمٍ حَيْسًا فَحَعَلَتْهُ فِي تَوْرٍ. فَقَالَتْ: يَا أَنَسُ! ادْهَبْ بِهِنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

<sup>25</sup> ‘Atiyyah Saqr, *Mawsū’at al-Usrah Taht Ri’ayat al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2003), 1:497.

<sup>26</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Maktabah al-Misr, 2001), 9:193.

<sup>27</sup> Lihat hadith riwayat Muslim, *Kitāb al-Nikāh*, Bab Zawāj Zaynab bint Jahsh wa Nuzūl al-Hijāb wa Ithbāt Walimat al-‘Urs, no. Hadith 3504. Lihat Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 917.

وَسَلَّمَ. فَقُلْنَ بَعْثَتْ هَذَا إِلَيَّكَ أُمِّي، وَهِيَ تُقْرِئُكَ السَّلَامَ، وَتَقُولُ: إِنَّ هَذَا لَكَ مِنَّا  
فَلِيَلْ، يَا رَسُولَ اللَّهِ! قَالَ: فَدَهْبُتْ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقُلْتُ  
إِنَّ أُمِّي تُقْرِئُكَ السَّلَامَ وَتَقُولُ: "إِنَّ هَذَا لَكَ مِنَّا فَلِيَلْ، يَا رَسُولَ اللَّهِ! فَقَالَ: "صَغِّرْ  
هُمْ قَالَ: "اَدْهَبْ فَادْعُ لِي فُلَانَا وَفُلَانَا، وَمَنْ لَقِيَتْ".

Terjemahan: Rasulullah SAW telah berkahwin (dengan Saidatina Zaynab bint Jahsh), kemudian baginda telah bersama dengannya. Anas berkata: ibuku Umm Sulaym telah membuat *hays* dan dia telah meletakkannya di dalam sebuah bekas. Lalu dia berkata: “Wahai Anas, bawalah makanan ini kepada Rasulullah SAW dan katakanlah kepada baginda, ibu saya telah mengirimkan kepadamu dan dia menyampaikan salam kepadamu. Ummu Sulaym berkata, ini adalah untuk kamu wahai Rasulullah sedikit makanan dari kami”. Kemudian aku pergi bertemu Rasulullah SAW dan berkata: “Ibuku menyampaikan salam kepadamu, dan dia berkata, ini adalah untuk kamu wahai Rasulullah sedikit makanan dari kami”. Sabda Rasulullah SAW: “letakkanlah ia”, kemudian baginda bersabda lagi: “pergilah dan undanglah untukku si fulan dan si fulan, dan setiap orang yang kamu jumpa.<sup>28</sup>

Kisah dalam hadis di atas menggambarkan Ummu Sulaym telah menyediakan sejenis menu yang disebut sebagai *hays* iaitu sejenis makanan yang diadun dari keju, kurma dan minyak sapi.<sup>29</sup>

Penyediaan sajian bermenukan *hays* turut dijadikan menu dalam *walimah* perkahwinan Rasulullah SAW dengan Saidatina Safiyyah bint Huyayy r.a sebagaimana yang diriwayatkan oleh Saidina Anas r.a:

حَتَّىٰ إِذَا كَانَ بِالطَّرِيقِ جَهَزْتَهَا لَهُ أُمُّ شَلَّيْمَ، فَأَهَدَتْهَا لَهُ مِنَ اللَّيْلِ، فَأَصْبَحَ مِنَ النَّيْ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرْوَسًا. فَقَالَ: "مَنْ كَانَ عِنْدَهُ شَيْءٌ فَلِيَجِيءْ بِهِ" قَالَ: وَبَسَطَ  
نَطْعًا. قَالَ: فَاجْعَلِ الرَّجُلَ يَجِيءُ بِالْأَقْطَعِ، وَجَعَلَ الرَّجُلَ يَجِيءُ بِالثَّمْرِ، وَجَعَلَ الرَّجُلَ  
يَجِيءُ بِالسَّمْنِ، فَخَاسُوا حِينَئِ، فَكَاتَتْ وَلِيَمَةً رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

<sup>28</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bāb Zawāj Zaynab bint Jahsh, wa Nuzūl al-Hijāb, wa Ithbāt Walimat al-‘Urs, no. Hadith 3507. Lihat Muslim, “Sahīh Muslim”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 916.

<sup>29</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:653.

Terjemahan: Ketika dalam perjalanan pulang, Umm Sulaym mempersiapkan (Safiyah bint Huyayy) untuk perkahwinannya dengan nabi, kemudian beliau diserahkan kepada nabi pada malam itu. Maka pada keesokan paginya, nabi telah menjadi seorang mempelai, lalu bersabda: “Sesiapa yang mempunyai sedikit makanan, hendaklah dibawa”. Lalu ditebarkan sebuah tikar dari kulit. Ada yang membawa keju, ada yang membawa kurma dan ada yang membawa minyak sapi. Kesemuanya diadun menjadi *hays* dan itulah walimah Rasulullah SAW.<sup>30</sup>

Dalam hadis di atas, para sahabat telah bekerjasama dalam penyediaan hidangan untuk *walimah*. Bahan makanan yang dibawa oleh mereka telah diadun dan dijadikan *hays*. Dalam riwayat lain, Saidina Anas r.a ada menyebut antara hidangan yang disediakan sempena *walimah* tersebut adalah berasaskan kurma dan *sawiq*.<sup>31</sup> *Sawiq* adalah sejenis tepung yang digoreng. Pada kebiasaannya ia merupakan bekalan makanan bagi orang yang ingin bermusafir dan menu ini amat mudah dan segera untuk disediakan.<sup>32</sup>

Selain sajian berasaskan daging, roti, kurma, tepung, keju dan minyak sapi, Rasulullah SAW juga pernah diriwayatkan menyajikan sajian berasaskan barli. Safiyah binti Shaybah pernah berkata:

أَوْمَ الْيَئِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى بَعْضِ نِسَائِهِ يُكَدِّيْنِ مِنْ شَعْبِيْرِ.

Terjemahan: “Nabi Muhammad SAW pernah mengadakan *walimah* untuk sebahagian isteri-isteri baginda dengan dua cupak barli”.<sup>33</sup>

Riwayat di atas tidak menyebut nama isteri Rasulullah SAW. Namun, menurut Ibn Hajar, isteri yang paling hampir

<sup>30</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāh, bāb Faḍīlah I‘taqīh Ammah Thumma Yatazawwajuha, no. Hadith 3497. Lihat Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 916.

<sup>31</sup> Hadith Riwayat Ibn Majah, Abwāb al-Nikāh, Bab al-Walimah, no. Hadīth 1909. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Rab‘i bin Mājäh, “Sunan Ibn Majah”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 2591.

<sup>32</sup> Muḥammad Murtadā al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arus min Jawāhir al-Qāmūs* (t.t.p.: Matba‘ah al-Khayriyyah, t.t.), 6:388.

<sup>33</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, bāb Man Awlam ‘alā Ba‘d Nisā‘ih Akthar min Ba‘d, no. Hadith 5172. Lihat al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 447.

dimaksudkan adalah Saidatina Umm Salamah r.a. Ia berdasarkan kepada apa yang telah dinukilkan oleh Ibn Sa'd dari gurunya al-Wāqidī yang menyatakan Umm Salamah pernah mengisahkan *walimah* beliau telah menghidangkan menu berasaskan barli.<sup>34</sup>

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa penyediaan menu dalam *walimah* Rasulullah SAW adalah terdiri daripada pelbagai hidangan mengikut kesesuaian semasa. Ia dapat dirumuskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Hidangan Sempena *Walimah* Rasulullah SAW

Bil.	Nama	Hidangan	Penjelasan
1.	Saidatina Zaynab bint Jahsh r.a	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kambing</li> <li>• Roti</li> <li>• <i>Hays</i> (sejenis makanan yang diadun dari keju, kurma dan minyak sapi)</li> </ul>	Diriwayatkan sebagai <i>walimah</i> yang paling mewah pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW
2.	Saidatina Safiyyah bint Huyayy r.a	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hays</i> (sejenis makanan yang diadun dari keju, kurma dan minyak sapi)</li> <li>• Kurma</li> <li>• <i>Sawiq</i> (sejenis tepung yang digoreng)</li> </ul>	Bersesuaian dengan situasi permusafiran
5.	Saidatina Ummu Salamah r.a	Dua cupak barli	

### Konsep Perbelanjaan Perkahwinan Mengikut Sunnah Rasulullah SAW

Hasil daripada penelitian terhadap apa yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW dalam urusan pemberian mas kahwin dan penganjuran *walimah* sempena perkahwinan baginda, didapati terdapat beberapa konsep berbelanja dalam hal berkaitan persediaan perkahwinan telah diketengahkan oleh baginda. Konsep-konsep yang dimaksudkan adalah sebagai mana berikut:

---

<sup>34</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:195.

## 1. Perbelanjaan Bermanfaat

Rasulullah SAW mengutamakan unsur manfaat dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan. Hal keadaan ini dapat dilihat daripada bentuk mas kahwin yang telah diberikan kepada isteri-isteri baginda apabila kesemuanya mempunyai nilai manfaat. Secara keseluruhan, mas kahwin Rasulullah SAW telah digambarkan tidak mengurangi nilai 500 dirham sebagai mana yang pernah diriwayatkan oleh Abū Salamah bin ‘Abd al-Rahmān.<sup>35</sup> Walau pun nilai tersebut bukan semestinya mata wang dirham, namun apa yang dijadikan mas kahwin oleh baginda itu adalah harta yang sememangnya dapat memberi manfaat kepada isteri baginda. Apa yang diterima oleh Saidatina ‘Ā‘ishah r.a iaitu perkakas rumah bernilai 500 dirham,<sup>36</sup> merupakan antara harta yang diperlukan oleh isteri yang baharu berkahwin bagi memberi keselesaan kehidupan rumah tangga. Pembebasan Saidatina Safiyyah binti Huyayy r.a<sup>37</sup> dari tawanan perang turut memberi manfaat yang besar kepada beliau, kerana kehidupan sebagai seorang tawanan perang adalah satu kehidupan yang terikat dan tidak bebas. Pemberian mas kahwin dalam bentuk manfaat seperti ini diterima dalam Islam,<sup>38</sup> kerana meski pun ia

<sup>35</sup> Lihat hadith Riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bāb al-Ṣadaq wa Jawāz Kawnuh Ta‘līm Qur’ān wa Khatim Hadid wa Ghayr Dhālik min Qalīl wa Kathīr wa Istiḥbab Kawnuh Khams Mi‘ah Dirham li man la Yajhaf bih, no. Hadith 3489, dan al-Nasā’ī, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-Qisṭ fī al-Asdiqah, no. Hadith 3350. Lihat Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Shārif*, 915 dan al-Nasā’ī, “Sunan al-Nasā’ī”, *Mawsū‘at al-Hadīth al-Shārif*, 2304.

<sup>36</sup> Lihat hadith Riwayat Ibn Majah, Abwāb al-Nikāh, Bāb Ṣadaq al-Nisā’, no. Hadith 1890. Lihat Ibn Majah, “Sunan Ibn Majah”, dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Shārif*, 2590.

<sup>37</sup> Lihat hadith Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Nikāh, Bab Man Ja‘alā ‘Itq al-Amah Sadaqaha, no. Hadith 5086 dan al-Nasā’ī, Kitab al-Nikāh, Bab al-Tazwīj ‘alā al-‘Itq, no. Hadith 3344. Lihat al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Shārif*, 440 dan al-Nasā’ī, Sunan al-Nasā’ī, dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Shārif*, 2304.

<sup>38</sup> ‘Ala’ al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd al-Kasanī, *Badrā’ī al-Ṣana’ī fī Tartīb al-Sharā’ī* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 2000), 2:567; Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turk dan ‘Abd al-Fattāh Muhammad al-Halw (Riyadh: Dār ‘Alam al-Kutub, 1986), 7:101; Muhammad bin Idrīs al-Shāfi’ī, *al-Umm* (Mansoura: Dār al-Wafā’, 2001), 6:153.

bukan berbentuk harta, namun apa yang diterima oleh isteri adalah sesuatu yang boleh memberi faedah kepadanya.

Jika disoroti kepada majlis *walimah* Rasulullah SAW, diantara menu yang dihidangkan adalah *hays*, *sawiq*, sajian berasaskan kambing, roti dan barli. Menu-menu ini adalah bersesuaian dengan adat pemakanan masyarakat Arab ketika itu, bahkan merupakan makanan harian mereka. Ia sudah tentu memberi manfaat kepada para tetamu yang hadir pada majlis tersebut. Kemanfaatan sajian adalah bergantung kepada kesesuaian sajian kepada masyarakat setempat. Sajian yang bukan merupakan adat makanan masyarakat tempatan tidak akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir.

Apa yang dapat dinyatakan di sini, unsur manfaat telah dititikberatkan dalam kedua-dua elemen mas kahwin dan *walimah* ‘al-urs Rasulullah SAW. Baginda sesekali tidak pernah membelanjakan harta untuk sesuatu yang tidak mendatangkan sebarang manfaat. Mas kahwin yang diberikan telah mendatangkan manfaat kepada isteri-isteri baginda, manakala menu-menu yang dihidangkan dalam *walimah* pula telah memberi faedah kepada para tetamu yang hadir. Ini menggambarkan Rasulullah SAW amat mementingkan impak daripada perbelanjaan perkahwinan. Harta yang dibelanjakan untuk tujuan perkahwinan tidak sewajarnya disia-siakan, malah kemanfaatannya perlu dicapai oleh kedua-dua pihak iaitu orang yang membelanja dan orang yang menerima.

## 2. Perbelanjaan Mengikut Tahap Kemampuan

Rasulullah SAW telah memaparkan konsep berbelanja berdasarkan kemampuan dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan. Dalam sirah perkahwinan baginda dengan Saidatina Safiyah binti Huyayy r.a yang diadakan ketika dalam perjalanan pulang dari perang Khaybar,<sup>39</sup> sajian yang disediakan adalah sejenis menu ringkas yang berasaskan keju, kurma dan minyak sapi. Bahan-bahan tersebut telah diadun dan dibentuk sebagai *hays*,<sup>40</sup> iaitu sejenis menu bagi masyarakat Arab ketika itu. Hidangan tersebut adalah bersesuaian dengan kemampuan

<sup>39</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 7:680.

<sup>40</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:653.

baginda yang masih berada dalam keadaan musafir<sup>41</sup> dan serba kekurangan ketika itu. Pelaksanaan *walimah* dalam keadaan musafir sudah tentu lebih sukar berbanding dengan *walimah* yang diadakan ketika luar musafir dari aspek persiapan sajian dan sebagainya. Ia berbeza dengan apa yang dihidangkan ketika *walimah* sempena perkahwinan baginda dengan Saidatina Zaynab binti Jahsh r.a yang berasaskan seekor kambing.<sup>42</sup>

Apa yang jelas, Rasulullah SAW telah mementingkan unsur kemampuan dalam menyediakan hidangan untuk *walimah*. Penerapan konsep ini bukan sahaja berlaku ke atas perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW, malah baginda pernah memberi teguran kepada seorang sahabat yang telah membayar mas kahwin kepada isterinya dengan satu kadar yang tidak sesuai dengan tahap kemampuan beliau.<sup>43</sup> Dalam membincangkan konsep kemampuan dalam berbelanja, Ibn Hajar menyatakan penyediaan hidangan untuk *walimah* mengikut tahap kemampuan adalah satu perkara yang disunatkan dalam Islam.<sup>44</sup> Al-Nawāwī pula menyatakan adalah makruh bagi seorang lelaki membayar mas kahwin kepada isterinya dengan kadar yang melebihi tahap kemampuan dirinya sendiri. Ini kerana ia akan menyukar pihak suami untuk memenuhi bayaran tersebut.<sup>45</sup> Melalui penerapan konsep berbelanja mengikut kemampuan, perbelanjaan perkahwinan secara keseluruhannya akan lebih terkawal dan dapat mengelakkan daripada berlakunya perbelanjaan di luar batas kemampuan.

<sup>41</sup> Rafif ‘Abd al-‘Azīz al-Sibbagh, *Hafl al-Zisaf fi al-Fiqh al-Islāmī Dawābituhu wa Aḥkamuh* (Tesis Sarjana, Universiti Damasyiq, Syria, 2004), 23.

<sup>42</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nikāh, Bab Man Awlam ‘alā Ba‘d Nisa’ih Akthar min Ba‘d, no. Hadith 5171 dan Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bab Zawāj Zaynab bint Jahsh wa Nuzūl al-Hijāb wa Ithbāt Walīmat al-‘Urs, no. Hadith 3503. Lihat al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 447 dan Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 917.

<sup>43</sup> Lihat hadith riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab Nadb Man ‘Araḍ Nikāh al-Mar‘ah ilā an Yanzur ilā Wajhiha wa Kaffayha Qabl Khitbatihā. 3486. Lihat Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif*, 915.

<sup>44</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:189.

<sup>45</sup> Al-Nawāwī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, 9:197.

### 3. Perbelanjaan Secara Sederhana

Perbelanjaan secara sederhana adalah perbelanjaan yang terletak di antara perbelanjaan yang mempunyai unsur kedekut dan membazir.<sup>46</sup> Al-Rāzī telah menjelaskan sikap tidak membazir dan tidak kedekut merupakan antara ciri kesederhanaan dalam mengejar kehidupan berekonomi.<sup>47</sup> Dalam konteks perbelanjaan perkahwinan, sederhana yang dimaksudkan adalah perbelanjaan yang tidak melibatkan kos terlalu tinggi dan tidak pula terlalu rendah. Unsur kesederhanaan ini telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam pemberian kadar mas kahwin baginda yang diriwayatkan bernilai sekitar 500 dirham.<sup>48</sup> Ia bukanlah satu kadar yang terlalu tinggi dan juga tidak terlalu rendah. 500 dirham jika dinilai dari sudut timbangan adalah menyamai 1487.5 gram perak, kerana 1 dirham pada pandangan jumhur adalah menyamai 2.975 gram.<sup>49</sup> Jika dinilai dengan nilai perak semasa, 1 gram perak adalah bersamaan RM 2.07.<sup>50</sup> Justeru, 500 dirham atau 1487.5 gram perak adalah menyamai RM 3079.10. Jumlah tersebut pada zaman sekarang bukanlah satu kadar yang terlalu rendah, bahkan ia mampu menampung perbelanjaan bulanan untuk seisi rumah. Berdasarkan kepada statistik yang pernah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, perbelanjaan bulanan purata isi rumah semenjak dari tahun 1993 hingga ke tahun 2010 tidak pernah melepassi RM 2,190.<sup>51</sup> Dari aspek sebaliknya pula, nilai kadar tersebut dianggap tidak terlampau tinggi pada zaman Rasulullah SAW, malah bersesuaian dengan nilai kadar mas kahwin untuk

<sup>46</sup> Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad, *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 77.

<sup>47</sup> Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Diyā’ al-Dīn, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 20:196.

<sup>48</sup> Lihat hadith riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab al-Sadaq wa Jawāz Kawnuh Ta‘līm Qur'an wa Khatim Hadid wa Ghayr Dhālik min Qalīl wa Kathīr wa Istiḥbāb Kawnuh Khams Mi'ah Dirham li Man la Yajhaf bih, no. 3489. Lihat Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim", dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Shārif*, 915.

<sup>49</sup> ‘Alī Jum'ah Muḥammad, *al-Makāyil wa al-Mawāzin al-Shar'iyyah*, 19.

<sup>50</sup> Lembaga Zakat Selangor, dicapai pada 7 Mac 2015, laman sesawang <http://www.zakatselangor.com.my/>.

<sup>51</sup> Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai pada 19 Januari 2015, [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_household/files/Expenditure/Laporan\\_PIR\\_Report\\_on\\_HES\\_2009-10.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_household/files/Expenditure/Laporan_PIR_Report_on_HES_2009-10.pdf).

masyarakat ketika zaman itu.<sup>52</sup> Saidina ‘Umar al-Khattab r.a dalam khutbahnya pernah melarang masyarakat meninggikan kadar mas kahwin dan menyatakan seandainya perbuatan itu adalah satu amalan mulia dalam Islam, sudah tentu ia telah dilakukan oleh Rasulullah SAW.<sup>53</sup> Ini menunjukkan kadar mas kahwin yang pernah diberikan oleh baginda adalah satu jumlah yang tidak terlampau tinggi. Sekiranya jumlah itu merupakan satu kadar yang tinggi, Saidina ‘Umar al-Khattab r.a sudah tentu tidak menjadikan mas kahwin baginda sebagai satu contoh kadar mas kahwin yang tidak melampau. Jika pada zaman Rasulullah SAW, kadar tersebut telah dianggap perbelanjaan yang tidak terlalu tinggi, maka ia lebih relevan untuk dianggap tidak terlampau tinggi pada masa sekarang.

Dalam sirah perkahwinan Rasulullah SAW, kadar mas kahwin tertinggi yang pernah diterima oleh isteri-isteri baginda adalah mas kahwin Saidatina Umm Ḥabībah r.a. Beliau diriwayatkan telah menerima mas kahwin sebanyak 4000 dirham,<sup>54</sup> jauh lebih tinggi dari 500 dirham. Namun, ketinggian kadar itu bukan menunjukkan kepada anjuran meninggikan mas kahwin khususnya dan perbelanjaan perkahwinan umumnya. Hal keadaan ini adalah kerana, pemberian kadar tersebut merupakan pemberian peribadi daripada raja Najashi. Dalam peristiwa perkahwinan Rasulullah SAW, Raja Najashi telah dihantar oleh baginda sebagai wakil dalam urusan pernikahan itu dan beliau telah memberikan mas kahwin sebanyak 4000 dirham bagi pihak baginda kepada Saidatina Umm Ḥabībah r.a.<sup>55</sup> Pemberian yang tinggi ini adalah satu penghormatan beliau kepada Rasulullah SAW.

---

<sup>52</sup> Alḥmad ‘Abd al-Rahīm al-Daḥlawī, *Hujjat Allāh al-Balighah* (Kaherah: Dār al-Jayl, 2005), 2:199.

<sup>53</sup> Lihat hadith riwayat al-Tirmidhī, Abwāb al-Nikāh, Bab Mā Jā’ a fī Muhr al-Nisā’, no. 1114. Lihat Abū ‘Isā Muhammād bin ‘Isā al-Tirmidhī, “Jāmi‘ al-Tirmidhī”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1760.

<sup>54</sup> Lihat hadith Riwayat Abū Dāwud, Kitab al-Nikāh, Bab al-Sadaq. no. Hadith 2107, dan al-Nasā’ī, Kitab al-Nikāh, Bab al-Qisṭ fī al-Asdiqah, no. Hadith 3352. Lihat Abū Dāwud, “Sunan Abū Dāwud”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1378, dan al-Nasā’ī, “Sunan al-Nasā’ī”, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 2304.

<sup>55</sup> Al-‘Azīm Abādī, *Awn al-Ma ‘biūd Sharḥ Sunan Abī Dāwud*, 6:137.

Secara umumnya dapat dinyatakan bahawa Rasulullah SAW telah memaparkan konsep kesederhanaan dalam menetapkan kadar perbelanjaan perkahwinan baginda. Nilai 500 dirham yang pernah dijadikan mas kahwin untuk isteri-isteri baginda adalah satu nilai yang tidak terlampau tinggi dan juga tidak terlampau rendah, bahkan kesederhanaan itu amat sesuai dijadikan asas dalam elemen perbelanjaan perkahwinan yang lain.

#### 4. Perbelanjaan Secara Kerjasama

Sirah perkahwinan Rasulullah SAW dengan isteri-isteri baginda telah memaparkan beberapa kisah yang menunjukkan wujudnya konsep tolong menolong dan kerjasama oleh para sahabat ketika baginda mengadakan *walimat al-'urs*. Anas bin Mālik r.a telah meriwayatkan bagaimana ibunya Umm Sulaym membantu Rasulullah SAW dalam menyediakan menu ketika *walimah* baginda dengan Saidatina Zaynab bint Jahsh r.a. Dalam kisah itu, Umm Sulaym telah mengadun *hays* di rumahnya dan meminta agar Saidina Anas r.a menghantar menu tersebut kepada Rasulullah SAW pada hari sambutan *walimah* baginda.<sup>56</sup> Kerjasama yang dihulurkan oleh Umm Sulaym tidak ditolak oleh baginda, malah diterima dengan senang hati. Ini menunjukkan kerjasama dalam mengadakan *walimat al-'urs* adalah satu anjuran khusus dalam Islam. Al-Nawāwī dalam mengulas hadis di atas telah menyatakan adalah sunat bagi sahabat handai kepada pasangan untuk menghulurkan sebarang bentuk makanan dan hidangan bagi tujuan mengadakan *walimat al-'urs*.<sup>57</sup> Bantuan yang dihulurkan oleh kaum keluarga, jiran dan sahabat handai yang mempunyai kemampuan dari segi harta adalah lambang kepada tautan kasih sayang dan perkongsian rasa gembira dengan pasangan yang berkahwin.<sup>58</sup>

Anjuran bekerjasama bukan sahaja telah ditunjukkan oleh para sahabat seperti Umm Sulaym dan anaknya Anas bin Mālik r.a ketika membantu Rasulullah SAW, malah baginda sendiri turut

<sup>56</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab Zawāj Zaynab bint Jahsh, wa Nuzūl al-Hijāb, wa Ithbāt Walimat al-'Urs, no. Hadith 3507. Lihat Muslim, "Sahīh Muslim", dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf*, 916.

<sup>57</sup> Al-Nawāwī, *Sahīh Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, 9:213.

<sup>58</sup> 'Abd Allāh Nāṣīḥ, Ulwan, *Adāb al-Khiṭbah wa al-Zīfāt wa Huquq al-Zawjāyn* (Kaherah: Dār al-Salām, 1983), 105.

diriwayatkan pernah menyeru para sahabat untuk bersama-sama membantu dalam penyediaan hidangan untuk *walimah* baginda. Ia berlaku ketika perkahwinan Rasulullah SAW dengan Saidatina Safiyyah bint Huyayy sebagaimana yang diriwayatkan oleh Saidina Anas:

حَتَّىٰ إِذَا كَانَ بِالطَّرِيقِ جَهَنْتَهَا لَهُ أُمُّ شَلَّيْمِ، فَأَنْهَتْهَا لَهُ مِنَ الْأَلَيلِ، فَأَصْبَحَ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرْوَسًا، فَقَالَ: "مَنْ كَانَ عِنْدَهُ شَيْءٌ فَلْيَجِيءْ بِهِ". قَالَ وَبَسَطَ نِطَاعًا. قَالَ: فَاجْعَلُ الرَّجُلَ يَجِيءُ بِالْأَقْطَطِ، وَاجْعَلُ الرَّجُلَ يَجِيءُ بِالثَّمَرِ، وَاجْعَلُ الرَّجُلَ يَجِيءُ بِالسَّمَنِ، فَخَاسُوا حَيْسًا، فَكَاتَثَ وَلِمَةً رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Terjemahan: Ketika dalam perjalanan pulang, Umm Sulaym mempersiapkan Safiyyah untuk perkahwinannya dengan nabi, kemudian beliau diserahkan kepada nabi pada malam itu. Maka pada keesokan paginya, nabi telah menjadi seorang mempelai, lalu bersabda: “Sesiapa yang mempunyai sedikit makanan, hendaklah dibawa”. Lalu ditebarkan sebidang tikar dari kulit. Ada yang membawa keju, ada yang membawa kurma dan ada yang membawa minyak sapi. Kesemuanya diadun dan itulah jamuan Rasulullah SAW.<sup>59</sup>

Hadis ini secara khususnya telah menunjukkan anjuran konsep tolong menolong dalam urusan mengadakan *walimah*.<sup>60</sup> Walau pun berkedudukan sebagai pemimpin tertinggi pada ketika itu, baginda tidak segan untuk menyatakan kepada para sahabat agar membawa makanan sempena *walimah* baginda dengan Saidatina Safiyyah bint Huyayy.

Apa yang dapat dirumuskan, kerjasama adalah satu perkara yang amat dianjurkan oleh Rasulullah SAW dalam menyelesaikan masalah bebanan perbelanjaan perkahwinan. Ia tidak semestinya berbentuk wang dan harta, malah boleh dihulurkan dalam pelbagai bentuk bergantung kepada tahap kemampuan individu. Amalan ini akan memberi kesan positif kepada pihak yang membantu dan yang menerima bantuan. Bagi mereka yang membantu dalam bentuk bantuan kewangan mahu pun harta, ia dikira sebagai satu amalan kebijakan dan merupakan salah satu ibadat harta. Ada pun

<sup>59</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Nikāh, Bab Fadiyat al-‘I’taqih Ammatah thumma Yatazawwajuhā, no. Hadith 3497. Lihat Muslim, “Šahīh Muslim”, dalam al-Shaykh, *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif*, 915.

<sup>60</sup> Al-Nawāwī, *Šahīh Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, 9:207.

bantuan dalam bentuk tenaga, idea dan sebagainya, tetap dikira sebagai kebajikan sosial yang amat digalakkan dalam Islam bagi mengurangkan bebanan saudara muslim. Bagi pihak yang menerima bantuan pula, ia akan menggembirakan hati mereka kerana bantuan tersebut dapat meringankan bebanan penyediaan persiapan untuk perkahwinan.

### **Perbincangan**

Konsep perbelanjaan perkahwinan yang dibentangkan di atas adalah hasil daripada penelitian terhadap gaya dan corak perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW. Pembayaran mas kahwin dan pengendalian *walimat al-'urs* dalam perkahwinan baginda telah dijadikan asas dalam pembentukan konsep perbelanjaan perkahwinan. Sebagai satu pembayaran wajib<sup>61</sup> dan tuntutan sunat<sup>62</sup> ke atas suami, elemen mas kahwin dan *walimat al-'urs* sewajarnya dijadikan panduan dalam pembentukan konsep tersebut, kerana selain daripada dua elemen itu, elemen perbelanjaan lain tidak mencapai tahap perbelanjaan wajib dan sunat.

Biar pun baginda tidak pernah menjelaskan secara khusus bagaimanakah cara terbaik untuk mengurus perbelanjaan bagi mas kahwin dan *walimat al-'urs*, namun melalui penelitian terhadap gaya perbelanjaan baginda dalam dua elemen itu, didapati baginda sememangnya menekankan empat konsep yang telah dibentangkan. Dalam konsep yang pertama, berbelanja untuk perkara yang mendatangkan manfaat sememangnya menjadi salah satu prinsip kepenggunaan dalam Islam.<sup>63</sup> Islam hanya mengiktiraf sesuatu yang berfaedah dan boleh membawa kepada kebaikan dari

---

<sup>61</sup> Ulama' bersepakat menyatakan kewajipan pembayaran mas kahwin. Lihat Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10:97; Abū al-Hasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardi, *al-Hawīt al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 9:393.

<sup>62</sup> Jumhur ulama' menghukumkan *walimah* sebagai satu perintah sunat. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad al-Dusuqī, *Hāshiyah al-Dusuqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr li Dirdir* (t.t.: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.), 2:337; Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 4:404; Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 10:192.

<sup>63</sup> Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990), 27.

aspek kebendaan, akhlak atau kerohanian sahaja sebagai barang.<sup>64</sup> Individu muslim dilarang mengeluarkan belanja untuk mendapatkan sesuatu yang tidak berfaedah. Konsep berbelanja mengikut tahap kemampuan pula adalah selaras dengan prinsip Islam dalam soal berkaitan pentaklifan, apabila Allah SWT tidak pernah memerintah umatnya untuk melakukan sesuatu di luar kemampuan.<sup>65</sup> Individu muslim dianjurkan untuk mementingkan unsur keseimbangan antara pendapatan dengan perbelanjaan.<sup>66</sup> Perbelanjaan sewajarnya dirancang berdasarkan kewangan semasa dengan mengambil kira kemampuan masing-masing dari sudut pemilikan harta. Seterusnya konsep sederhana dalam berbelanja telah dinyatakan dalam al-Qur'an melalui surah al-Isrā' apabila Allah SWT mlarang sikap membazir dan kedekut.<sup>67</sup> Berbelanja secara membazir bermakna menghabiskan harta dengan cara yang tidak membawa kepada sebarang faedah dan kebaikan,<sup>68</sup> manakala berbelanja secara kedekut adalah satu cara untuk merosakkan harta dari aspek pembekuan apabila ia tidak diberikan kepada mereka yang mempunyai hak terhadapnya.<sup>69</sup> Dalam konsep yang terakhir pula, bekerjasama dalam urusan perbelanjaan adalah termasuk dalam anjuran syarak yang mementingkan sikap tolong menolong sesama individu dalam melakukan kebaikan.<sup>70</sup> Konsep kerjasama sememangnya telah menjadi satu prinsip dalam kehidupan bermasyarakat dalam Islam sebagaimana yang dapat dilihat disebalik pensyiaran zakat yang merupakan salah satu

<sup>64</sup> Monzer Kahf, *The Islamic Economy*, terj. Ismail Salleh dan Mansor Jusoh (Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 1982), 29.

<sup>65</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad al-Qurtubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad Ibrāhīm al-Hafnawī dan Maḥmūd Ḥāmid ‘Uthmān (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2002), 2:365.

<sup>66</sup> Yūsuf al-Qarādawī, *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fi al-Iqtisad al-Islāmī* (Qaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 237.

<sup>67</sup> Maksud ayat 29 surah al-Isrā': "Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu dilehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan".

<sup>68</sup> ‘Izz al-Dīn bin Zaghībāh, *Maqāsid al-Shārī‘ah al-Khaṣṣah bi al-Taṣarrufāt al-Māliyah* (Amman: Dār al-Nafā’is, 2010), 151.

<sup>69</sup> ‘Izz al-Dīn, *Maqāsid al-Shārī‘ah al-Khaṣṣah*, 151.

<sup>70</sup> Maksud ayat 2 surah al-Mā'idah: "Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan taqwā, dan janganlah kamu tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan."

metod untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan oleh golongan yang berkelebihan harta.

Empat konsep yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dalam perbelanjaan perkahwinan sewajarnya dijadikan panduan dan seterusnya diaplikasi oleh individu muslim yang akan mendirikan rumah tangga. Biar pun ia hasil daripada penelitian terhadap perbelanjaan mas kahwin dan *walimat al-'urs* baginda sahaja, namun ia amat relevan untuk digunakan dalam segala elemen perbelanjaan perkahwinan yang lain. Realitinya, corak perbelanjaan perkahwinan masa kini bukan hanya tertumpu kepada elemen mas kahwin dan *walimat al-'urs* sahaja, malah terdapat pelbagai elemen perbelanjaan lain yang berasaskan adat, budaya dan trend masyarakat setempat seperti elemen barang hantaran bermula dari proses merisik, bertunang sehingga ke majlis perkahwinan, duit hantaran, pelbagai persiapan untuk majlis perkahwinan dan sebagainya. Perbelanjaan-perbelanjaan untuk tujuan tersebut adalah tidak salah selagi mana perkara-perkara yang dilakukan itu tidak menyanggahi hukum syarak. Walau bagaimana pun, perbelanjaannya haruslah memenuhi konsep yang telah dibincangkan di atas. Perbelanjaan berasaskan konsep tersebut bukan sahaja memenuhi kehendak syarak, malah dapat membantu seseorang individu merancang dan menguruskan perbelanjaan perkahwinannya secara berhemah.

Dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan, individu sewajarnya memastikan apa yang dibelanjakan adalah untuk sesuatu yang mendatangkan manfaat. Elemen-elemen yang tidak mendatangkan manfaat seperti adat hantaran berbentuk sirih junjung dan upah bayaran bagi hiburan yang mempunyai unsur maksiat perlu dielakkan. Individu juga perlu mengukur tahap kemampuan masing-masing sebelum membuat keputusan untuk memperuntukkan kos perbelanjaan bagi perkahwinan. Budaya sambutan perkahwinan bagi golongan berada tidak sewajarnya dijadikan ikutan. Ini kerana sekiranya apa yang dibelanjakan tidak seimbang dengan harta yang dimiliki, ia boleh membawa kepada budaya berhutang sebelum dan seawal usia perkahwinan. Bagi golongan berada yang mengadakan sambutan perkahwinan secara besar-besaran dengan melibatkan perbelanjaan yang tinggi, meski pun mereka berkemampuan, namun perbelanjaan demikian sewajarnya tidak disertai dengan niat yang negatif seperti untuk

tujuan menunjuk-nunjuk atau berkelakuan sompong, kerana ia adalah makruh di sisi Islam.<sup>71</sup> Selain itu, pembaziran yang biasa berlaku dalam amalan perbelanjaan perkahwinan masyarakat sekarang perlu dielakkan dengan mengambil sikap sederhana dalam menguruskan segala bentuk elemen perbelanjaan. Bagi elemen kad kahwin sebagai contoh, peruntukan perbelanjaan untuknya perlulah sepadan dengan tujuan perbelanjaan bagi elemen tersebut. Peruntukan yang terlalu tinggi bagi kos untuk sekeping kad boleh membawa kepada unsur pembaziran kerana pada kebiasaannya ia tidak akan digunakan lagi setelah majlis selesai. Bagi meringankan perbelanjaan perkahwinan, masyarakat setempat seharusnya mengamalkan kembali cara sambutan perkahwinan masyarakat Melayu terdahulu. Penyediaan hidangan secara ‘gulai kawah’ adalah satu cara bagi membantu keluarga pasangan untuk meringankan bebanan perbelanjaan. Kesedaran masyarakat setempat dalam perkara ini amatlah penting bagi mewujudkan kembali konsep bekerjasama dalam menguruskan perbelanjaan perkahwinan.

## **Penutup**

Konsep perbelanjaan perkahwinan mengikut sunnah Rasulullah SAW adalah ideal untuk dijadikan panduan oleh mereka yang bakal mendirikan rumah tangga. Penghayatan terhadap konsep ini memberi peluang kepada mereka untuk menguruskan perbelanjaan perkahwinan dengan lebih teratur dan terancang. Selain individu yang ingin berkahwin, konsep perbelanjaan perkahwinan yang dibincangkan perlu diketengahkan kepada ahli keluarga pasangan khususnya ibu bapa dan juga pihak jabatan serta institusi yang terlibat secara langsung dengan urusan perkahwinan masyarakat. Ibu bapa merupakan antara orang utama yang terlibat dalam menguruskan hal ehwal sambutan perkahwinan pasangan. Mereka sewajarnya diberi kefahaman tentang konsep ini agar ia mampu diterapkan dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan anak-anak mereka. Manakala jabatan dan institusi kerajaan yang berkenaan pula perlu mendedahkan konsep perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW kepada bakal-bakal pasangan yang akan berhadapan dengan perbelanjaan perkahwinan. Pendedahan

<sup>71</sup> ‘Ala’ al-Dīn Abū al-Hasan al-Ba‘lī, *Al-Ikhtiyārāt al-Fiqhiyyah min Fatāwā Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah* (t.t.: Dār al-Fikr, t.t.), 227.

dan seterusnya penerapan konsep ini diharapkan dapat membantu masyarakat dalam usaha memudahkan urusan perkahwinan dan mengelakkan daripada berleluasanya budaya berhutang dan kahwin di lewat usia disebabkan bebanan perbelanjaan perkahwinan.

## Bibliografi

- Ābādī, Abū al-Tayyib Muhammad Shams al-Ḥaqq al-‘Azīm. ‘Awn al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd, ed. ‘Abd al-Rahmān Muḥammad ‘Uthmān. T.t.: al-Maktabah al-Salafiyah, 1979.
- Al-‘Asqalānī, bin ‘Alī bin Ḥajr. *Fath al-Bārī bi al-Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*. Kaherah: Maktabah al-Miṣr, 2001.
- Al-Ba‘lī, ‘Ala’ al-Dīn Abū al-Ḥasan. *Al-Ikhtiyārāt al-Fiqhiyyah min Fatawā Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah*. T.t.: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz al-Shaykh, *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shāfi’ī al-Kutub al-Sittah*. Riyādh: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Dahlawī, Ahmād ‘Abd al-Rahmān. *Hujjat Allāh al-Balighah*. Kaherah: Dār al-Jayl, 2005.
- Al-Dusuqī, Shams al-Dīn Muḥammad. *Hāshiyah al-Dusuqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr li Dirdir*. T.t.: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.
- Al-Farghalī, ‘Abd al-Ḥafiz Ḥamzah al-Nashrātī dan Muṣṭafā, ‘Abd al-Ḥamīd. *Sīrah Āl Bayt al-Nabī*. T.t.: al-Maktabah al-Qayyimah, t.t.
- Al-Kasanī, ‘Ala’ al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd. *Badā’ī al-Ṣana’ī fī Tartīb al-Sharā’ī*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 2000.
- Al-Qaraḍawī, Yūsuf. *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fi al-Iqtisad al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- Al-Mawardi, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb. *Al-Hawī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi’ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Kaherah: Dār al-Taqwā, t.t.
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad. *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad Ibrāhīm al-Hafnawī dan Maḥmūd Ḥāmid ‘Uthmān. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2002.
- Al-Shāfi’ī, Muḥammad bin Idrīs. *Al-Umm*. Mansoura: Dār al-Wafā’, 2001.

- Al-Sibbagh, Rafif ‘Abd al-‘Azīz. *Hafl al-Zifāfīt al-Fiqh al-Islāmī Dawābituhu wa Aḥkamuh*. Tesis Sarjana, Universiti Damsyik, Syria, 2004.
- Al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥṭāj ilā Ma’rīfah Ma’ānī Alfāż al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr. *Tārīkh al-Ṭabarī al-Ma’rūf bi Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*. Beirut: Mu’assasah al-A‘lāmī, 1983.
- Al-Ṭabrānī, Abī al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad. *Al-Mu‘jam al-Kabīr*. Beirut: Mu’assasah al-Rayyān, 2010.
- Al-Zabīdī, Muḥammad Murtadā. *Tāj al-‘Arus min Jawāhir al-Qāmūs*. T.tp.: Matba‘ah al-Khayriyyah, t.t.
- Diyā’ al-Dīn, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1985.
- Fatimah Abdullah. “Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan”, *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27, no.1 (Jun-Disember 2009), 101.
- Haslina Hassan dan Ann Wan Seng, *Wanita dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Rab‘ī. “*Sunan Ibn Majah*”, dalam al-Shaykh, *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif: al-Kutub al-Sittah*, 2591.
- Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥṣin al-Turk dan ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Halw. Riyadh: Dār ‘Alam al-Kutub, 1986.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai 13 Mac 2013, [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_Labour/files?BP\\_TMS/PST-Siri6.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_Labour/files?BP_TMS/PST-Siri6.pdf).
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/95f9e1b3-24bb-4cce-af4b-da9bf8317f2e>.
- Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, laman sesawang Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai pada 19 Januari 2015, [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_household/files/Expenditure/Laporan\\_PIR\\_Report\\_on\\_HES\\_2009-10.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_household/files/Expenditure/Laporan_PIR_Report_on_HES_2009-10.pdf).

- Monzer Kahf. *The Islamic Economy*, terj. Ismail Salleh dan Mansor Jusoh. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 1982.
- Muhammad, ‘Alī Jum‘ah. *al-Makāyil wa al-Mawāzīn al-Shar‘iyah*. Kaherah: al-Quds, 2001.
- Nāsiḥ Ulwan, ‘Abd Allāh. *Adāb al-Khiṭbah wa al-Zīfaf wa Ḥuquq al-Zawjāyn*. Kaherah: Dār al-Salām, 1983.
- Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab. “Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak”, *Jurnal Fiqh* 6 (2009), 123.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. *Anda dan Wang Anda: Bagaimana Menyimpan & Berbelanja dengan Bijak*. Pulau-Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 1987.
- “Pengantin Dibelenggu Hutang”, Laman AKPK, 11 Disember 2012, dicapai 10 Mac 2013, <http://www.akpk.org.my/happenings/news/press-release/id/486/pengantin-dibelenggu-hutang>.
- Saqr, ‘Atiyyah. *Mawsū‘ah al-Usrah Taht Ri‘ayat al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2003.
- Surtahman Kastin Hasan. *Ekonomi Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990.
- Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari dan Asmak Ab. Rahman. “Konsep al-Taysir dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam”, *Jurnal Syariah* 22, no.3 (September - Disember 2014): 337.
- Zaghībah , ‘Izz al-Dīn bin. Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Khaṣṣah bi al-Taṣarrufāt al-Māliyah. Amman: Dār al-Nafā’is, 2010.